

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kos keseluruhan dalam menangani saringan COVID-19 daripada Februari hingga masa kini dan berapa peruntukan yang disediakan untuk menghadapi "second wave infections", kes-kes pesakit yang "asymptomatic" dan mutase COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan dapatan yang diperolehi oleh para penyelidik dari seluruh dunia, begitu juga dengan tren kes yang dilaporkan, kejadian pandemik COVID-19 ini dijangka akan berterusan untuk suatu tempoh masa yang agak lama. Malaysia telah menghadapi gelombang pertama bermula dari 2 Januari 2020 sehingga 15 Februari 2020. Kini Malaysia di gelombang kedua sejak kes pertama dilaporkan pada 27 Februari 2020.
2. Sehingga 10 Julai 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membelanjakan sebanyak **RM650 juta** melibatkan pembelian peralatan, PPE, bekalan perubatan, test kit/ reagen bagi tujuan saringan, konsumable serta termasuk lantikan kakitangan kontrak dan bayaran elauan COVID-19 kepada barisan hadapan dalam mengawal dan merawat COVID-19. Kerajaan akan sentiasa memastikan peruntukan yang mencukupi dalam memastikan wabak COVID-19 dapat diuruskan dengan baik dan terkawal.
3. KKM masih mempunyai baki sebanyak **RM350 juta** yang belum dibelanjakan dari keseluruhan peruntukan RM1 bilion bagi kawalan dan pencegahan wabak COVID-19 yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk menangani pandemik ini. Kementerian akan menggunakan baki peruntukan khas ini untuk persediaan sekiranya berlaku gelombang ketiga COVID-19. Sekian, terima kasih.